

# UMS diminta perbanyak program belajar sepanjang hayat

**KOTA KINABALU:** Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Masidi Manjun meminta Universiti Malaysia Sabah (UMS) supaya memperbanyakkan program pembelajaran sepanjang hayat berbentuk separuh masa yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Sabah.

Beliau yang juga Exco Pendidikan negeri berkata ini selaras dengan visi kerajaan negeri yang mahu mempertingkatkan pembangunan modal insan, sekaligus membantu melengkap agenda pelan transformasi negara.

Sehubungan itu, Masidi mengesyorkan agar syarat kemasukan bagi warga dewasa dan matang di UMS diteliti semula bagi memberi peluang kepada mereka yang mempunyai pengalaman bekerja yang bernilai tetapi tidak mempunyai ke-

layakan akademik yang memenuhi syarat asas.

“Misalnya pengalaman relevan selama 15 hingga 20 tahun dalam bidang berkaitan dengan program yang hendak diikuti di UMS seharusnya diambil kira sebagai memenuhi sebahagian syarat kelayakan asas kerana pengalaman ini tidak boleh dinilai peri pentingnya,” katanya dalam ucapan sempena perjumpaan graduan Pusat Luar UMS (PLUMS) 2010 di 1 Borneo, dekat sini.

Teks ucapan beliau dibacakan Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Elron Angin.

Masidi berkata dengan cara itu, kewujudan UMS akan terus memberi banyak sumbangan kepada pembangunan negeri Sabah terutama dalam pembangunan sumber manusia.